

PANDAY SINING: PROTES PROLETARIAN DI FILIPINA SEMASA REJIM PEMERINTAHAN MARCOS

Hanafi Hussin

Pengenalan

Negara Filipina di bawah pemerintahan Presiden Marcos berada dalam keadaan yang tidak stabil. Rakyat khususnya golongan belia yang dipimpin oleh pihak Komunis telah mengadakan pelbagai tindakan menentang pemerintahannya. Gerakan penentangan yang dilakukan ini adalah gerakan kesedaran sosio-politik. Gerakan kesedaran sosio-politik ini juga disusuli dengan tunjuk perasaan atau demonstrasi. Puncak gerakan berlaku antara tahun-tahun 1969-1972 di mana ia menjadi lebih radikal kerana turut dianggotai oleh berbagai pertubuhan komunis Filipina. Demonstrasi-demonstrasi pada tahap ini juga dikatakan radikal kerana sering berlaku pertempuran dengan pihak polis.

Kekacauan begitu ketara di Filipina. Kelantangan suara-suara penentangan terhadap kerajaan dilakukan di mana-mana sahaja. Desakan-desakan rakyat begitu hebat dalam melaungkan hak mereka. Walau bagaimanapun desakan-desakan masyarakat ini sebenarnya berpunca dari kesedaran yang dilaungkan oleh golongan belia termasuk pertubuhan-pertubuhan pelajar dan belia yang radikal. Keradikalan kumpulan-kumpulan belia ini menjadil lebih ketara lagi dengan terdapatnya gabungan dengan lain-lain pertubuhan yang lebih radikal seperti pertubuhan-pertubuhan buruh dan petani (Hanafi, 1995: 69-80). Wujudnya gabungan ini menjadikan gerakan tunjuk perasaan menjadi lebih terancang lagi melalui gerakan-gerakan yang diketuai oleh golongan belia khususnya pelajar-pelajar. Mereka mewakili masyarakat massa yang memperjuangkan kebajikan rakyat Filipina secara keseluruhan. Selain dari berdemonstrasi pertubuhan-pertubuhan belia ini juga mempunyai unit kebudayaan mereka sendiri untuk mempersembahkan sketsa dan teater semasa berdemonstrasi. Mesej-mesej yang cuba disampaikan juga dilakukan dalam bentuk drama. Persembahan drama banyak memaparkan tentang masyarakat massa Filipina khususnya proletarian (Hanafi, 1992: 100-287).

Memandangkan kumpulan-kumpulan kesenian sering memaparkan tentang kisah-kisah masyarakat proletarian, kumpulan-kumpulan ini juga dikenali sebagai kumpulan teater proletarian. Antara kumpulan-kumpulan teater proletarian yang aktif mempersembahkan drama pada masa tersebut adalah kumpulan *Tanghalang Bayan*, *Kamanyan*, *Gintong Silahis*, *Kalinangan Pawis* dan *Panday Sining*. Kumpulan yang paling radikal dan sering mempersembahkan teater mereka dengan agenda politik tersendiri adalah *Panday Sining*. Ini adalah kerana ia merupakan kumpulan kesenian kepada pertubuhan belia yang paling radikal iaitu *Kabataang Makabayan*.

Panday Sining: Organisasi dan Falsafah Pertubuhan

Panday Sining merupakan sebuah kumpulan teater proletarian yang dipimpin oleh pengarah seninya Leo Rimando. Kumpulan ini merupakan unit kebudayaan bagi pertubuhan belia Filipina *Kabataang Makabayan* (KM). KM berpendapat bahawa teater merupakan media penting untuk menyampaikan idea-idea perjuangan kepada masyarakat. Justeru itu, teater sebegini juga diklasifikasikan sebagai teater masyarakat atau 'people's theater'. Nolli Contes dari KM mengatakan bahawa teater masyarakat berkembang dari perjuangan masyarakat menentang sifat-sifat sosial kuno (feudal). Keadaan masyarakat yang kuno ini akan dihapuskan melalui perjuangan yang berterusan. Teater masyarakat yang mereka bawa bertujuan untuk mematahkan permasalahan ini. Teater dihasilkan bukanlah semata-mata untuk hiburan. Malah mesejnya bertukar kepada kekuatan yang boleh menarik masyarakat massa kepada perjuangan demokrasi nasional.

Pada tahun 1970, Leo Rimando yang baru sahaja pulang dari Amerika Syarikat melihat bahawa terlalu banyak gerakan pelajar di universiti-universiti Filipina. Kebanyakan dari mereka adalah anggota KM yang telah memperkenalkan kepadanya idea-idea perubahan sosial. Beliau dilantik menjadi pengarah seni kerana pengalamannya dalam pengarah teater (Rimando, 1991). Di tahun yang sama beliau telah diperkenalkan kepada pejabat KM dan dengan sukarela menubuhkan *Panday Sining* yang merupakan salah sebuah kumpulan yang berperanan sebagai penggerak kepada gerakan demokrasi nasional. Di peringkat awal ahli-ahli *Panday Sining* terdiri daripada pelajar-pelajar University of the Philippines, Diliman. Kemudian ahli-ahlinya datang dari sektor masyarakat yang lebih luas terutamanya ahli-ahli KM. KM yang merupakan pertubuhan belia yang besar mempunyai ahli di merata-rata tempat di sekitar Manila terutamanya pelajar-pelajar universiti dan kolej serta masyarakat miskin bandar. Pertubuhan ini memusatkan perjuangan kepada anti-imperialisme, anti-feudalisme dan anti-kapitalisme-birokrat.

Selepas itu *Panday Sining* telah mendapat sokongan dari Parti Komunis Baru Filipina dalam bentuk nasihat atas beberapa perkara seperti ideologi perjuangan, tema-tema drama dan memperluaskan lagi tema dari hanya memfokuskan imperialisme, feudalisme dan kapitalisme-birokrat kepada idea-idea perjuangan bersenjata (armed struggle), Tentera Rakyat Baru (New People's Army) dan Barisan Hadapan (United Front). Kesemuanya ini adalah idea dari Revolusi Kebudayaan China yang memaparkan kepentingan barisan hadapan dan kemudiannya Parti Komunis Baru. Mereka mengadakan perarakan dan berdemonstrasi sambil berdrama. Antara perarakan yang dianjurkan oleh KM adalah 'Long March' pada bulan Oktober, 1971 di mana kumpulan *Panday Sining* telah turut serta walaupun ianya sebuah kumpulan kebudayaan.

.... even in a group in a march, like *Panday Sinig* which is a cultural group which led in central

Luzon March, this kind of movement is very noticeable. Criticizing of self and the search for a more effective movement for propaganda is the fire every night during interaction between them and thus became the usual reason for their vigil. (Lee, 1971:31)

Umumnya kumpulan *Panday Sining* turut mengunjungi tempat-tempat yang telah dilawati oleh kumpulan-kumpulan teater proletarian lain seperti *Kamanyang*, *Tanghalang Bayan* dan *Gintong Silahis* yang juga membawa idea-idea 'armed struggle'. *Panday Sining* berbuat begini kerana merasakan bahawa *Tanghalang Bayan* dan *Kamanyang* biasanya mempersembahkan permasalahan sosial tetapi permasalahan imperialisme tidak begitu jelas. *Panday Sining* cuba membawakan segala-galanya untuk memenuhi kekurangan yang wujud itu. Jelas terdapat penerangan secara berperingkat tentang segala permasalahan kepada masyarakat. Dalam konteks ini *Panday Sining* menjelaskan segala-galanya iaitu imperialisme, feudalisme, kapitalisme-birokrat dan kemudiannya menawarkan perjuangan bersenjata menyokong Barisan Bersatu, Tentera Rakyat Baru dan akhirnya Parti Komunis di Filipina.

Persembahan dan propaganda radikal diadakan dalam satu pakej. Ahli-ahli kumpulan tidak takut dan gentar. Semasa mengadakan persembahan mereka pernah diserang oleh pihak polis. Oleh itu mereka terpaksa berhati-hati ketika mengadakan persembahan. Keradikalan mereka begitu menonjol semasa turut sama mengadakan persembahan di penubuhan Tentera Rakyat Baru di Quezon dan Batangas. Ini menunjukkan mereka turut mengadakan persembahan di kawasan pedalaman semasa Tentera Rakyat Baru sedang ditubuhkan.

Kebanyakan pelakon-pelakon *Panday Sining* terdiri dari ahli-ahli cawangan KM yang terletak di merata tempat, setiap daerah, setiap *barangay* yang terdapat di Manila, Bulacan, Baguio, Tagalog Selatan dan lain-lain. Jumlah ahli-ahli *Panday Sining* pada masa itu lebih kurang 30 orang. Walau bagaimanapun aktiviti-aktivitinya tidak terbatas kepada persembahan tetapi juga merangkumi aspek pendidikan. Mereka mempunyai unit pendidikan tersendiri. Jika tidak mengadakan persembahan, mereka menjalankan kegiatan pendidikan. Pendidikan kesedaran diberikan bagi mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat.

Kebanyakan ahli-ahli *Panday Sining* bukan terdiri daripada pelakon profesional. Mereka memerlukan latihan yang mendalam dalam bidang lakonan. Ahli-ahli kumpulan percaya bahawa mereka mampu berlakon jika dibantu oleh seseorang yang mengetahui tentang lakonan dan pengarahannya. Semasa latihan ahli-ahli *Panday Sining* diajar teknik-teknik lakonan. Jadual latihan mereka agak ketat. Sebelum mengadakan persembahan di sebelah tengahari latihan diadakan di sebelah pagi. Biasanya mereka mengadakan persembahan tiga kali sehari dan pulang pada jam 10.00 malam. Pada waktu malam pula mereka berbincang tentang apa yang telah dilakukan dan apa yang berlaku sepanjang hari. Sesi perbincangan sebegini sering berlarutan hingga jam 2.00 pagi.

Sebagai sebuah kumpulan amatur sumber kewangan adalah dari tabung mereka sendiri yang digunakan untuk perbelanjaan makanan dan sewa rumah. Kadang-kadang mereka mendapat sumbangan makanan dari pihak penganjur semasa mengadakan persembahan di luar kota Manila. Derma-derma dalam bentuk wang secara bulanan juga diperolehi dari orang-orang perseorangan. *Kabataang Makabayan* juga tidak menyediakan bantuan kewangan kepada kumpulan ini kecuali persembahan drama *Welga! Welga!* (Mogok! Mogok!). *Panday Sining* juga tidak mendapat sumbangan kewangan dari Parti Komunis. Apa yang diperolehi dari Parti Komunis hanyalah kritikan-kritikan untuk memperbaiki persembahan mereka. Parti Komunis memberi kritikan tentang kebaikan-kebaikan dan kelemahan-kelemahan persembahan *Panday Sining*. Dalam ertikata yang lain Parti Komunis hanya memberi sokongan moral.

Walaupun mempunyai sumber kewangan yang terhad mereka masih mampu mengadakan drama-drama kerana perbelanjaan persembahan tidak mahal. Mereka membuat persembahan di gelanggang bola keranjang, di padang, di jalanan dan sebagainya. Jika mereka membuat persembahan di atas pentas konvensional pihak penganjur akan menanggung segala perbelanjaan. Kadang-kadang pihak yang mengundang membiayai segala perbelanjaan makanan dan pengangkutan. Misalnya, drama mereka yang terbesar *Welga! Welga!* yang dipentaskan di Rajah Soliman Theatre telah ditanggung oleh *Kabataang Makabayan*, Kesatuan Sekerja dan derma dari beberapa buah syarikat besar atau 'multinational corporations' (MNCs). *Welga! Welga!* merupakan drama panjang yang berjaya dipentaskan oleh sebuah kumpulan teater proletarian yang membuktikan mereka berkembang secara ideologikal dan secara artistik.

Ideologi politik yang dibawa oleh *Panday Sining* adalah 'Marxist-Leninist-Mao-tse Tung's Thought' yang mengatakan bahawa masyarakat Filipina adalah semi-feudal dan semi-kolonial. Oleh yang demikian jenis pengajaran dan latihan hampir sama dengan Tentera Rakyat Baru yang menandakan mereka telah hampir kepada United Front.

The whole idea of *Panday Sining* is to conscientize the citizenry to take up arms and not be afraid taking up arms. That's the whole idea of repertoire (Rimando, 1991).

Dengan ideologi politik yang dipegang ini *Panday Sining* membawakan drama-drama dan skits yang garang sifatnya bagi mempolitikkan masyarakat massa Filipina. Antara drama dan skits yang dipersembahkan termasuklah *Masaker Sa Araw Ng Paggawa* (Pembunuhan Pada Hari Buruh), *Tunggalian* (Konflik), *Hukumang Tuwad* (Mahkamah Palsu) dan *Welga! Welga!* (Mogok! Mogok!).

Panday Sining dan Persembahannya

Kumpulan ini merasakan bahawa apa yang disampaikan oleh lain-lain kumpulan teater proletarian tidak lengkap. Bagi *Panday Sining* merekalah yang akan melengkapkan segala-galanya di mana seruan terakhir adalah mengajak masyarakat Filipina menganggotai Barisan Hadapan. Oleh itu, bagi mencapai matlamat ini, *Panday Sining* mempunyai strategi tersendiri mempersembahkan drama-drama mereka. Biasanya persembahan dimulakan dengan nyanyian lagu-lagu revolusi. Ini bertujuan untuk menarik minat masyarakat massa menghampiri perhimpunan yang dianjurkan dan kemudian barulah drama-drama revolusi dipersembahkan. Di dalam sesuatu siri demonstrasi selepas nyanyian lagu-lagu revolusi mereka akan mementaskan skits *Masaker Sa Araw Ng Paggawa* yang disusuli dengan drama *Tunggalian*. Dengan itu lengkaplah persembahan mereka yang akhinya cuba mengajak masyarakat massa Filipina menyertai Barisan Hadapan. Selain itu, *Panday Sining* juga turut mempersembahkan dua buah drama panjang iaitu *Hukumang Tuwad* dan *Welga! Welga!* yang menjadi model kepada drama-drama proletarian.

I. Nyanyian Lagu-lagu Revolusi

Kumpulan-kumpulan teater radikal biasanya memulakan persembahan teater jalanan mereka dengan nyanyian lagu-lagu revolusi. Perkara yang sama dilakukan oleh *Panday Sining*. Tujuan utama menyanyikan lagu-lagu revolusi ini adalah untuk menarik minat orang ramai menyaksikan persembahan mereka. Di samping itu, lagu-lagu revolusi ini juga bertenaga untuk membangkitkan perasaan mereka yang mendengarnya.

Music, especially song, is the most effective weapon of propaganda known to man. Through the years, mass movements have become increasingly aware of the power of song to protest against injustice and oppression; raise the consciousness of people concerning social political and economic issues that affect their lives; agitate for specific reforms; and ultimately, stir mass action to bring about a change in societal structures. The song has therefore assumed an important role in mass movements and revolutionary struggles (Maceda, 1981:1).

Kebanyakan lagu-lagu yang dinyanyikan oleh *Panday Sining* adalah lagu-lagu Parti Komunis Filipina. Antaranya adalah *Bandilang Pula* (Bendera Merah), *Mamamayan Ng Buong Daigdig*, *Makaisa* (Keamanan Seluruh Dunia, Bersatu), *Tigreng Papel* (Harimau Kertas), *Tao Ang Mahalaga* (Orang Penting), *Ang Masa* (Massa), *Makibaka*, *Huwag Matakot* (Mara, Jangan Takut), *Pagbabalikwas*, *Awit Ng Pakikibaka* (Lagu Pertempuran), *Manggawa*, *Gising at Lumabab* (Buruh, Bangun dan Lawan), *Ang Maghimagsik ay May Matwid* (Kebangkitan Dalam Keganasan Mempunyai Alasan), *Ang Bagong Hukbong Bayan* (Kesedaran yang Tidak Berlebihan) dan *ang Internasyonal* (International).

II. Masaker Sa Araw Ng Paggawa

Masaker Sa Araw Ng Paggawa merupakan drama berbentuk skits. Skits ini mempersembahkan semula peristiwa yang berlaku pada Hari Buruh, 1hb Mei 1971 yang menunjukkan seorang pekerja telah terbunuh di dalam satu demonstrasi. Drama ini yang dipersembahkan oleh beberapa orang korus mengimbas kembali bagaimana peristiwa itu berlaku. Persembahan ini dapat menimbulkan simpati dan perasaan marah penonton terhadap pihak pemerintah yang menyebabkan peristiwa itu berlaku. Ini adalah kesan daripada lagu-lagu revolusi tadi yang dapat menimbulkan minat penonton untuk mengikuti persembahan seterusnya. Drama yang mendedahkan peristiwa yang menyayat hati itu telah membakar jiwa penonton. Tujuan mereka untuk mempolitikkan masyarakat massa mula mendapat perhatian. Setelah itu barulah mereka memulakannya drama yang lebih panjang iaitu *Tunggalian*.

III. Tunggalian

Tunggalian adalah drama panjang yang biasanya dipersembahkan selepas sketsa *Masaker Sa Araw Ng Paggawa*. *Tunggalian* mengisahkan keadaan dan konflik yang berlaku sesama sendiri di kalangan masyarakat Filipina yang bersikap tamak. Mereka ini digambarkan sebagai pengikut setia pemerintah (menyokong imperialisme Amerika) dan masyarakat elit bandar yang sentiasa mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan tanpa memikirkan kebajikan orang lain.

Drama ini mengisahkan watak-watak progresif yang terdiri daripada Ka Amado, Korus I (terdiri daripada Aling Tinay dan enam orang petani), Korus II (terdiri daripada Kardo, Rosa dan petani-petani) dan Korus III (terdiri daripada Teroy dan lima orang petani). Manakala watak-watak yang menggambarkan orang yang bersifat tamak dan penindas terdiri daripada Mr. Nixon, don Federico, donya Imelda, Congressman, Polis dan dua orang konstabel.

Drama ini cuba memecahkan ilusi penonton dengan memaparkan watak-watak tamak yang menjadi talibarut penjajah. Kenyataannya watak-watak ini sememangnya menjadi kebencian mereka. Dalam drama ini juga penonton disedarkan dari ilusi bahawa apa yang mereka tonton itu benar-benar berlaku dan seharusnya mereka mencari jalan untuk menyelesaikan permasalahan itu. Jawapan kepada masalah itu terdapat di akhir drama di mana Korus I, Korus II dan Korus III berpadu suara melaungkan *Rebolusyon! Rebolusyon!! Rebolusyon!!!*.

IV. Hukumang Tuwad

Drama ini mengisahkan konflik antara dua golongan iaitu, *progresibo* (penentang kerajaan) dan *reaksiyon* (penyokong kerajaan). Pihak *progresibo*

diwakili oleh proletarian, petani, pemandu, guru dan juga pelacur. Pihak *reaksiyon* pula diwakili oleh imperialis Amerika, bojuis (lelaki dan wanita), *asender-kornprador* (tuan punya ladang), hakim, kapitalis birokrat dan tiga orang tentera *fascist*.

Pihak *progresibo* didakwa melakukan jenayah kerana mengadakan mogok di sekitar kawasan sekolah, kilang-kilang, perhentian-perhentian kenderaan dan sebagainya. Perkara ini melanggar akta R.A 700. Dalam perbicaraan pihak yang dituduh cuba mempertahankan diri dengan memberikan alasan-alasan mereka.

Golongan proletarian telah mempersoalkan kewibawaan mahkamah yang tidak mengambil tindakan ke atas peristiwa-peristiwa berdarah yang berlaku di Filipina pada masa itu seperti rusuhan di Plaza Miranda. Peristiwa yang berlaku melibatkan pertumpahan darah di mana dua buah grenade telah meletup. Golongan bojuis juga dipersalahkan kerana menindas golongan miskin terutamanya proletarian yang mendakwa bahawa kemajuan ekonomi adalah hasil titik peluh dan usaha tulang empat kerat mereka. Walau bagaimanapun faedahnya dinikmati oleh golongan lain dan mereka terus di landa kemiskinan.

Pihak pelacur menyalahkan sistem yang wujud dalam negara itu yang menyebabkan kereka terjerumus ke lembah pelacuran untuk meneruskan kehidupan. Pemandu-pemandu mogok kerana memprotes kenaikan harga petrol yang sewenang-wenangnya oleh pihak kapitalis yang disifatkan sebagai imperialis Amerika. Kenaikan harga petrol ini menyusahkan masyarakat massa Filipina. Kenaikan harga minyak telah menyebabkan harga lain-lain jenis barangan keperluan seharian melambong tinggi. Misalnya, seorang pemandu mengatakan bahawa beliau sudah tidak mampu lagi untuk membeli susu untuk anak bongsunya.

Golongan pelajar berdemonstrasi kerana tidak puashati dengan pentadbiran kerajaan. Oleh itu dalam perbicaraan mereka menuduh pihak *reaksiyon* sebagai talibarut kolonial dan feudal kerana mengeneipikan amalan demokrasi. Mereka juga menyuarakan kesangsian terhadap pihak-pihak asing yang menghulurkan bantuan kepada Filipina. Badan-badan asing yang dimaksudkan itu termasuklah Ford Foundation, Rockefeller Foundation, World Bank, Fund for the Advancement of Education dan lain-lain agensi pembangunan Amerika Syarikat. Mereka berpendapat bahawa kesemua badan ini telah memperkenalkan kelengkapan-kelengkapan baru dan kemasukan syarikat-syarikat besar Amerika ke Filipina. Justeru itu, pelajaran yang mereka terima adalah untuk memenuhi keperluan imperialis Amerika. Mendengarkan alasan-alasan inilah pihak *reaksiyon* menuduh pelajar-pelajar sebagai komunis.

Golongan pelajar ini dikatakan mendapat pengaruh dari guru-guru mereka. Guru-guru juga turut didakwa. Seorang wakil guru menyatakan bahawa mereka hanya menunjukkan kepada pelajar-pelajar bagaimana Filipina telah dilanda masalah yang besar di sebabkan oleh beberapa golongan tertentu seperti

imperialis Amerika, feodal dan kapitalis-birokrat. Mereka inilah yang menyebabkan Filipina mundur. Atas alasan inilah pihak *reaksiyon* mendakwa guru-guru telah menghasut pelajar-pelajar dengan ideologi Maoist. Mereka mahukan hakim menjatuhkan hukuman yang berat ke atas guru-guru.

Drama ini seterusnya menggambarkan golongan *reaksiyon* terus mengatakan pihak *progresibo* sebagai subversif. Pihak *progresibo* pula tidak menafikannya. Mereka merupakan golongan subversif kepada pihak *reaksiyon* sahaja tetapi merupakan rakyat Filipina yang tulen. Pengalaman-pengalaman telah mengajar mereka untuk mengambil langkah yang betul untuk menyelesaikan segala masalah. Bagi mereka, gerakan-gerakan untuk kemerdekaan negara demokrasi yang sebenar sudah sampai masanya. Perjuangan masyarakat massa pada masa ini adalah untuk menentang imperialisme Amerika. Ini diperkuatkan lagi apabila golongan proletarian mengajak mereka bersatu di bawah satu parti politik iaitu *Partido anak Pawis* (Parti Anak Buruh). Mereka mendakwa telah bersedia untuk mengadakan revolusi. Akhirnya, hakim telah memutuskan bahawa kesemua golongan *progresibo* sebagai golongan subversif.

V. Welga! Welga!

Welga! Welga! adalah sebuah drama yang memakan masa lebih daripada dua jam. Ini merupakan satu kejayaan bagi *Panday Sining* yang berjaya mementaskan sebuah drama panjang berbanding dengan lain-lain kumpulan teater proletarian. Oleh itu, *Welga! Welga!* telah dijadikan model kepada drama proletarian.

Drama revolusi ini dipersembahkan di pentas Rajah Soliman pada 16-19 Mac 1972. Ia menggambarkan perkembangan kesedaran semangat revolusi di kalangan sebuah kumpulan pekerja yang sedang berpiket. Drama ini dapat dikembangkan dengan baik kerana berlandaskan penelitian yang dijalankan ke atas beberapa piket yang berlangsung di Filipina. Drama yang ditulis oleh Bonifacio Ilagan ini mengambil masa lebih setahun untuk disiapkan setelah beberapa kali mengalami perubahan. Persembahan drama ini dilaksanakan dengan begitu baik menandakan kemajuan dalam teater revolusi.

Pertentangan-pertentangan yang terdapat di kalangan manusia yang tidak puas hati dan melalui perbincangan-perbincangan, maka lahirlah gerakan-gerakan untuk menghapuskan rasa tidak puas hati itu. Satu bentuk kontradiksi yang asas adalah perjuangan kelas. Perjuangan kelas telah menyediakan satu proses mempolitikkan dan pertumbuhan kesedaran revolusi. Perjuangan kelas yang dimaksudkan di sini ialah perjuangan kelas bawahan (kelas pekerja dan petani) menentang kelas menengah (pegawai ladang) dan kelas atasan (tuan punya ladang). Dari perjuangan kelas ini jugalah proses perjuangan politik disemarakkan dan akhirnya melahirkan semangat revolusi. *Welga! Welga!* menjelaskan hal ini. Drama ini mengisahkan sekumpulan pekerja-pekerja

kilang gula American Sugar Products berpiket untuk menuntut kenaikan gaji.

Dalam set, mogok oleh pekerja-pekerja di kilang American Sugar Products adalah spontan. Pekerja-pekerja terpaksa mengadakan mogok kerana keadaan yang terdesak. Mereka telah menyenaraikan tujuh permintaan menuntut keadaan kerja yang lebih selamat dan lebih baik untuk pekerja-pekerja tetap. Ignacio, presiden kesatuan yang memberikan simbol cemerlang birokrasi meyakinkan pekerja-pekerja bahawa dia akan menggunakan segala jalan untuk mencapai persetujuan dari pihak majikan ketujuh-tujuh permintaan yang diperjuangkan oleh pekerja-pekerja. Pihak pekerja perlu bersabar. Ignacio beredar meninggalkan mereka semua.

Pekerja-pekerja mula meragui kejujuran Ignacio dan dapat mengesan kelemahan-kelemahan yang wujud. Seorang pekerja mengatakan tidak terdapat apa-apa perkembangan setelah empat hari mogok. Keluarga mereka tidak mempunyai makanan lagi. Seorang lagi pekerja menegaskan bahawa mereka memulakan mogok dan mereka akan menamatkannya. Setelah diberi galakan pekerja-pekerja yang tidak bersemangat ini telah menyambung semula mogok mereka. Hal ini mendedahkan bahawa masalah asas pekerja-pekerja adalah kurangnya pengajaran politik dan pendedahan ideologi yang diperlukan untuk menyokong usaha-usaha mereka. Keadaan ini ditunjukkan dalam adegan di mana berlakunya serangan yang pertama ke atas pekerja-pekerja oleh pihak polis. Pekerja-pekerja dalam ketakutan telah lari menyelamatkan diri. Keadaan ini tidak mematahkan semangat mereka untuk mengambil keputusan berkumpul semula bagi mengadakan serangan balas.

Pada masa ini hanya Ador, seorang lagi pekerja, berusaha untuk memastikan mogok berjalan terus. Ador mewakili watak seorang hero proletarian dan *Welga! Welga!* telah menggambarkan perkara ini dan memancarkan keadaan-keadaan yang wujud di Filipina pada masa itu. Kebiasaannya dalam sesebuah masyarakat itu muncul seseorang yang dianggap sebagai pembela masyarakatnya. Beliau dianggap hero bagi masyarakat itu. Hero selalunya mempunyai kelebihan di dalam sesuatu perjuangan berbanding dengan manusia biasa.

Hitherto, hero figures have always been set above ordinary men by the possession of some inmate character which places them on pedestral: in slave society, the hero was a demigod, in feudal society a knight character stically of noble birth, and in capitalist society, an exceptionally aggressive and ingenious individual. The hero has thus far been messianic; he saves society by himself (Quiros, 1972:47).

Kebiasaannya seseorang itu dianggap sebagai 'messiah' di kalangan masyarakat tersebut. Walau bagaimanapun, Ador sebagai hero proletarian tidak dilambangkan sebagai 'messiah'. Beliau datang dari susunlapis masyarakat proletarian dan beliau juga menyedari bahawa kejayaan sesebuah perjuangan tidak bergantung kepadanya seorang sahaja ataupun kepada beberapa individu yang terpilih sahaja. Kejayaan perjuangan datangnya dari usaha-usaha bersama

di kalangan masyarakat massa. Konsep evolusi masyarakat Filipina menunjukkan golongan proletarian yang merupakan kelas masyarakat massa sepatutnya menukar diri mereka sebagaimana kemunculan kelas pemerintah. Ador muncul untuk menunjukkan 'ideal' bahawa kelas pekerja menggunakan kesedaran revolusi yang diilhamkan oleh ideologi proletarian melebihi perkara-perkara lain. *Welga! Welga!* diletakkan dalam keadaan yang sentiasa bersedia dalam revolusi seni.

Drama ini berkembang dengan Ignacio mengkhianati rakan sekerjanya untuk mendapatkan P90,000.00 dari Mr. Davis, tuan punya kilang. Mr. Davis telah meluluskan hanya dua permintaan kecil, menolak permintaan utama dan mengubah yang lain-lainnya. Pekerja-pekerja mendengar laporan Ignacio tentang keputusan rundingan yang diusahakannya. Walau bagaimanapun, Ador mengesyaki sesuatu yang tidak kena sedang berlaku. Ini menunjukkan mogok yang mereka jalankan telah gagal. Bagi Ador perkara ini bersifat sementara sahaja. Namun begitu, ia telah memberi satu pengajaran kepada pekerja-pekerja bahawa perjuangan yang diadakan melalui meja rundingan tidak mendatangkan kesan. Mereka perlu mengumpulkan kekuatan untuk perjuangan secara kekerasan. Ini menandakan bahawa kesedaran terhadap revolusi telah menular ke dalam jiwa mereka. Perjuangan kelas merupakan langkah awal ke arah mengadakan revolusi dan mereka telah sedar tentang revolusi. Perjuangan kelas adalah asas kepada revolusi.

Pekerja-pekerja kemudiannya telah mengadakan sesi-sesi 'teach-ins' dan perbincangan berkumpulan. Fenomena ini telah membimbangkan pihak pengurusan yang mula mengambil langkah untuk menghancurkan kesatuan yang dipimpin oleh Ador. Ia dimulai dengan penangkapan Ador dan dua orang lagi pekerja. Walau bagaimanapun mereka dibebaskan. Babak-babak menarik menyusuli di mana dua babak dijalankan secara bersebelahan. Di sebelah kiri pentas kelihatan Ignacio menerima laporan dari pengintip-pengintipnya bahawa pekerja-pekerja sedang merancang untuk menubuhkan kesatuan sekerja yang baru. Beliau menerima berita itu dalam keadaan yang sungguh terperanjat. Di sebelah kanan pentas yang terang pula Ador sedang berucap. Beliau mengatakan kepada pekerja-pekerja bahawa masalah-masalah yang terdapat dalam syarikat itu berakar umbi dan berkaitan dengan masalah besar negara iaitu imperialisme. Inilah yang menjadi asas perjuangan revolusi mereka. Ador menyimpulkan bahawa perjuangan mereka sebagai pekerja-pekerja menentang eksploitasi adalah selaras dengan perjuangan membebaskan negara dari imperialisme.

Oleh yang demikian, piket yang dijalankan bukan hanya untuk mendapatkan kebajikan dalam pekerjaan tetapi telah menjadi satu aktiviti yang berunsur pergerakan. Sebelumnya mogok adalah spontan tetapi sekarang pekerja-pekerja sudah bersedia untuk berjuang secara kekerasan. Pekerja-pekerja kemudiannya berjaya menubuhkan satu kesatuan baru walaupun terdapat usaha-usaha untuk menghalangnya dari Mr. Davis dan Ignacio.

Mereka juga mengadakan hubungan dengan pekerja-pekerja kilang cawangan American Sugar Products di daerah-daerah pedalaman yang lain. Pekerja-pekerja telah bersedia untuk mengadakan mogok secara besar-besaran.

Secara metafora perkembangan drama ini boleh dilihat dari kandungannya. Mogok awal yang dilakukan secara spontan telah meningkatkan kesedaran dan dari mogok juga menjadi sebuah pergerakan. Ia bermula dengan masalah yang terasing, perjuangan pekerja-pekerja di American Sugar Products yang kemudiannya dikaitkan dengan masalah yang lebih besar yang mengongkong masyarakat Filipina dan seterusnya menjadi gerakan nasional. Babak terakhir adalah seruan kepada semua pekerja-pekerja di seluruh dunia untuk bersatu. Nyata bahawa drama *Welga! Welga!* ini bukan hanya untuk mempolitikkan massa tetapi mengajak masyarakat bersatu untuk menuntut kebebasan nasional.

Kesimpulan

Memandangkan kumpulan *Panday Sining* telah melibatkan diri secara langsung dalam aktiviti-aktiviti politik sepanjang tahun-tahun 1969-1972, maka teater yang dipersembahkan adalah teater politik dalam ertikata yang sebenarnya. Mereka tidak mempersembahkan teater dengan menggunakan lambang tetapi mendedahkan secara terbuka setiap persembahan yang diadakan. Persembahan-persembahan *Panday Sining* bertitik-tolak dari tiga 'isme' iaitu feudalisme, imperialisme dan kapitalisme-birokrat. Persembahan adalah secara terang-terang di hadapan penonton khususnya semasa demonstrasi berlangsung. Teater yang dipersembahkan tidak mengira tempat dan masa. Oleh kerana itulah teater mereka juga digelar teater jalanan, teater radikal, teater gerila dan sebagainya kerana sesuai dengan persembahan-persembahan yang bersifat garang itu.

Persembahan *Panday Sining* mementingkan masyarakat massa. Oleh itu, teater mereka juga di gelar 'teater masyarakat'. Kepentingan masyarakat massa jelas dari kandungan-kandungan persembahan. Masyarakat massa Filipina terdiri dari golongan proletarian atau pekerja-pekerja dan juga petani-petani. Golongan-golongan inilah yang dibela oleh kumpulan teater proletarian dan sebab itulah kumpulan ini dipanggil sebagai kumpulan teater proletarian.

Drama proletarian telah membawa makna yang baru kepada drama di Filipina berdasarkan kepada panduan kesenian oleh *Panunulat para sa kaunlaran ng Sambayanan* (Gabungan Penulis-penulis Filipina) atau PAKSA yang mengisytiharkan bahawa seni mestilah bersifat politik. Perkara ini telah memperkenalkan perubahan yang bermakna tentang persepsi masyarakat Filipina terhadap teater. Selain dari memaparkan realiti sosio-politik, teater mereka juga bukanlah satu alat 'escapism'. Tembok pemisah antara penonton dan pelakon dilenyapkan dengan drama-drama yang turut juga membawa kepada penyertaan penonton seperti petani, buruh dan golongan miskin.

Walau bagaimanapun, era perkembangan teater politik yang radikal oleh

kumpulan teater proletarian ini tidak lama. Perisytiharan undang-undang tentera oleh Presiden Marcos pada bulan September 1972 telah mengharamkan segala aktiviti yang berbau penentangan terhadap pemerintah dan mereka yang terlibat ditangkap dan dipenjarakan. Persembahan teater politik oleh kumpulan teater proletarian ini yang secara terang-terang menentang pemerintah juga telah menamatkan aktiviti mereka secara terang-terang.

Rujukan

Hanafi Hussin, *Jati*, Bil. 1, September 1995, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

_____, 'Perkembangan Teater Politik Filipina', Tesis M.A, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya, 1992.

Lee, Ricardo, 'Oktubre Ng Isang Mahabang Martsa', *Asia-Philippine Leader*, Vol.1, No.33, November 19, 1971.

Maceda, Teresita-Gimenes, 'The Song as Political Tool: Its Role in the Student Movement from 1968-1972', University of the Philippine, Quezon City, March 26, 1981.

Rimando, Leo, Pengarah Seni Kumpulan *Panday Sining* (Temubual pada 25 Mei, 1991 di Los Banos, Filipina).

Quiros, Conrado de, 'Towards Proletarian Art', *Asia-Philippine Leader*, Vol.11, No.17, April 28, 1972.

Skrip-skrip Drama

1. Lagu-lagu Revolusi
2. *Masaker Sa Araw Ng Paggawa*
3. *Tunggalian*
4. *Hukumang Tuwad*
5. *Welga! Welga!*